

1.0 Kepentingan ICT dan komputer dalam kehidupan seharian.

Komputer merupakan suatu sistem elektronik atau rangkaian sistem teknologi maklumat yang terkini. Komputer telah digunakan secara meluas dalam semua agensi sama ada kerajaan atau swasta. Penggunaan komputer bukan tertumpu dalam bidang perbankan, tugas pejabat atau tugas-tugas di syarikat-syarikat gergasi semata-mata, malahan kini komputer boleh dilihat di mana-mana sahaja seperti di pejabat, sekolah, pasar raya, lapangan terbang, bank dan tidak kurang juga terdapat di setiap rumah di negara kita. Kini komputer telah berfungsi sebagai media secara meluas dalam pengajaran dan pembelajaran juga. Manusia pada hari ini meletakkan kebergantungan yang tinggi dalam menjalankan urusan seharian untuk mempertingkatkan produktiviti dan kecekapan mereka dengan penggunaan komputer serta teknologi maklumat yang lain.

Sistem maklumat boleh juga dikatakan sebagai satu set komponen yang saling berhubungkait di dalam mengumpulkan, memproses, menyimpan dan menyebarkan maklumat. Di samping itu, sistem maklumat digunakan untuk membantu di dalam membuat keputusan, mengawal, menganalisa dan menyelaras semua urusan yang berkaitan dengan sesebuah organisasi. Menurut Stair & Reynolds (1999) di dalam Rose Alinda Alias (2000) menyatakan bahawa:

“Sistem maklumat ialah sejenis sistem yang khusus dan boleh ditakrifkan dengan beberapa cara. Sistem maklumat boleh ditakrifkan sebagai satu set unsur-unsur atau komponen yang berkaitan aktiviti mengumpul (input), mengolah (proses) dan menyebarkan (output) data dan maklumat dan menyediakan mekanisme maklumbalas untuk mencapai sesuatu objektif”.

(Rose Alinda: 2000: hlmn:9)

Penggunaan komputer atau ICT dalam pendidikan banyak memberi kemudahan kepada guru-guru, murid, penyelidik dan pihak sekolah. Penggunaan computer atau ICT oleh guru adalah untuk mencari tambahan pembelajaran melalui internet dan sebagainya. Pelajar pula menggunakan komputer untuk membuat capaian internet bagi mendapatkan maklumat tentang pembelajaran dan membuat pelbagai tugas yang diminta oleh guru. Komputer atau ICT pada hari ini merupakan sesuatu yang sangat penting dalam kehidupan kita dan dunia bagaikan terhenti dan tidak bermaya jika ICT atau komputer ini tidak berfungsi. Memandangkan komputer dan ICT telah digunakan secara meluas bukan hanya kepada golongan berkerjaya malah

diperingkat kanak-kanak juga, maka senario ini telah membuktikan kepada dunia bahawa komputer dan ICT memberikan implikasi yang besar dalam kehidupan kita pada hari ini.

1.1 Penggunaan Komputer di Rumah

Komputer atau ICT sering digunakan di rumah sebagai sebuah perkakasan untuk melayari laman web, menaip surat, bermain “games” dan mendengar MP3. Namun tidak dinafikan bahawa ada pengguna yang mempunyai keterampilan dalam penggunaan komputer dengan melakukan kerja-kerja yang lebih bermanfaat seperti mewujudkan laman web bagi menjalankan perniagaan, atau menggunakan komputer untuk menyelesaikan tugas pejabat. Sunngguhpun demikian, secara pemerhatian dan perbincangan yang dilakukan bersama rakan kumpulan mendapati bahawa penggunaan komputer di rumah pada kebiasaannya untuk tiga perkara iaitu melayari internet disamping berchatting di “facebook” dan membuka atau menghantar e-mail.

1.2 Penggunaan Komputer oleh Pihak Kerajaan

Sistem-sistem maklumat berkomputer kini telah banyak dipasangkan dalam organisasi kerajaan untuk mengautomasikan proses-proses kerja dan menggantikan tenaga buruh yang ramai. Antara contoh penggunaan sistem maklumat dalam organisasi kerajaan ialah Jabatan Perkhidmatan Awam yang mempunyai sistem berkomputer untuk mengurus maklumat dan pengurusan pentadbiran, membuat perancangan dan latihan staf, menyimpan dan mencetak maklumat staf, membantu menyediakan data perjawatan jabatan, membantu pihak pengurusan membuat penilaian pergerakan gaji staf dan sebagainya.

Jabatan Perkhidmatan Awam juga menggalakkan penggunaan komputer di kalangan personel jabatan selaras dengan konsep Kerajaan Elektronik. Malah pelaksanaan sistem maklumat berkomputer telah memberi peluang kepada orang ramai untuk memperolehi maklumat yang diperlukan melalui internet.

Selain dari Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), Kementerian Pertahanan (MINDEF) menggunakan sistem maklumat berkomputer untuk merancang dalam perolehan peralatan atau senjata, aktiviti-aktiviti latihan, menyimpan maklumat yang berkaitan dengan pertahanan negara dan sebagainya. Sementara itu, Kementerian Kewangan pula menggunakan sistem maklumat berkomputer untuk merancang dan

mengurus kewangan negara, menyediakan maklumat mengenai pasaran kewangan semasa, saham, bon, pelaburan, sumber dana dan sebagainya.

1.3 Penggunaan Komputer Dalam Bidang Pendidikan

Perkembangan teknologi maklumat yang pesat telah membawa ke arah perubahan cara bekerja dalam bidang pendidikan. Malah kebanyakan sekolah, kolej, institusi pengajian tinggi, institusi perguruan, perpustakaan dan sebagainya telah membangunkan sistem maklumat berkomputer untuk membantu dalam sistem pengurusan dan pentadbiran sistem pendidikan. Berkomunikasi dan berkongsi maklumat adalah kerja dan tugas utama para pendidik, ahli akademik, jurulatih dan mereka yang terlibat dalam pendidikan dan latihan. Malah kini, hasrat Kementerian Pendidikan telah dapat direalisasikan dengan wujudnya sekolah bestari yang menggunakan teknologi-teknologi maklumat yang canggih di sekolah tersebut.

Antara contoh-contoh penggunaan sistem maklumat dalam bidang pendidikan ialah seperti nota elektronik, peperiksaan secara atas-talian, sistem maklumat berkomputer untuk menyimpan semua maklumat murid dan maklumat pendidik, pembelajaran jarak jauh, pembelajaran berbantuan komputer, pengajaran yang bercirikan multimedia dan sebagainya yang dapat meningkatkan lagi sistem pendidikan di Malaysia. Justeru, tanpa sedar dengan adanya komputer atau ICT telah meluaskan lagi penyebaran maklumat dan ilmu kepada masyarakat amnya.

1.4 Penggunaan Komputer Dalam Bidang Perubatan

Organisasi seperti hospital, klinik, farmasi dan sebagainya juga tidak ketinggalan dalam menggunakan sistem-sistem maklumat berkomputer untuk meningkatkan lagi perkhidmatan mereka kepada pengguna. Salah satu aplikasi dalam projek Koridor Raya Multimedia adalah tele-perubatan. Tele-perubatan menggunakan teknologi multimedia untuk menyediakan pelbagai faedah kepada semua pihak dalam sektor perubatan. Ia menyediakan maklumat yang berkaitan dengan penjagaan kesihatan dan boleh dicapai oleh mana-mana individu. Antara contoh penggunaan sistem maklumat dalam bidang perubatan ialah seperti mendapatkan nasihat doktor secara elektronik, mendiagnos penyakit secara elektronik, maklumat-maklumat perubatan yang disediakan dalam sistem kiosk dan membantu hospital atau klinik merancang peralatan perubatan.

1.5 Penggunaan Komputer Dalam Bidang Perkhidmatan Kewangan dan Perbankan

Dalam sektor perkhidmatan, sistem maklumat memainkan peranan yang amat penting. Selalunya sistem maklumat merupakan tulang-belakang kepada organisasi-organisasi yang bercirikan perkhidmatan. Perkhidmatan kewangan, perbankan dan insurans disediakan untuk memenuhi keperluan masyarakat dalam menguruskan aset dan wang tunai yang dimiliki. Penggunaan sistem maklumat berkomputer akan meningkatkan lagi perkhidmatan yang diberikan kepada pelanggan. Institusi-institusi kewangan turut menggunakan sistem maklumat berkomputer untuk menyediakan maklumat-maklumat yang berkaitan dengan kemudahan pembiayaan kewangan, sumber dana, maklumat pelaburan, pasaran kewangan, dan sebagainya untuk pengetahuan pelanggan.

Aktiviti-aktiviti utama dalam sistem perbankan adalah untuk menghasilkan maklumat. Input kepada sistem maklumatnya adalah seperti jenis akaun, deposit, cek, pengeluaran wang dan sebagainya. Output pula seperti penyata-penyata yang menunjukkan faedah diberi atau dihutang, baki wang di dalam bank dan pelbagai maklumat lain yang penting. Sebagai contoh, pengeluaran wang dilakukan menerusi sistem maklumat yang dipanggil mesin juruwang automatik (ATM – Automated Teller Machine). Semua institusi bank menyediakan sistem ini untuk memudahkan pengguna mengeluarkan wang tanpa perlu menggunakan borang dan beratur di kaunter. Banyak lagi aktiviti-aktiviti bank yang telah diautomasikan untuk memudahkan pelanggan berurusan dengan pihak bank.

Bibliografi

Rose Alinda Alias (2000). *Teknologi dan sistem maklumat*, London: McGraw-Hill Sdn. Bhd.

